

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 66

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan segelintir masyarakat pada masa kini meminum minuman keras di merata-rata tempat sehingga kawasan taman permainan kanak-kanak, depan sekolah, bucu di dalam taman menjadi tempat minum atau boleh dikatakan port untuk minum. Kejadian ini menyusahkan ramai orang terutamanya golongan perempuan dan mereka berasa tidak selesa. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi dan mengelakkan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Pemeriksaan rutin terhadap tempat dan lokasi yang mampu dan berpotensi berlaku jenayah sering diadakan oleh anggota '*front-liner*'. Antara langkah yang telah diambil oleh PDRM adalah seperti:-

- i) Unit MPV adalah satu elemen yang menjadi '*front liner*' dalam melaksanakan tugas rondaan di setiap kawasan perumahan dan bertindak sebagai '*First Responder*' terhadap mana-mana insiden yang berlaku jenayah, ketenteraman awam, krisis,bencana dan kemalangan jalan raya;

- ii) Unit URB (Unit Rondaan Bermotosikal) juga menjalankan tugas rondaan dengan menggunakan motosikal. Tugasan rondaan ini bukan sahaja untuk pemeriksaan di kawasan penduduk/premis tetapi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan semata-mata namun bertujuan memberi maklumat kepada masyarakat mengenai tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku jenayah;
- iii) Persatuan kepolisan Komuniti ataupun ‘Community Policing’ dengan dipantau oleh pihak polis adalah bertujuan untuk membantu penduduk sekitar dalam menjaga keselamatan persekitaran kawasan perumahan tersebut melalui rondaan di kawasan taman-taman perumahan bagi membolehkan komuniti menyalurkan maklumat kepada pihak polis;
- iv) Pihak Polis telah mengambil inisiatif baru dengan mencipta satu aplikasi yang baru bagi merancakkan aktiviti pencegahan jenayah melalui pendaftaran aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Aplikasi ini, memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna. Oleh itu, Melalui aplikasi ini, semua orang boleh menyalurkan maklumat; dan
- v) Dibawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri, tindakan boleh diambil terhadap orang Islam yang didapati bersalah terlibat dengan minuman keras.

Usaha PDRM mengurangkan jenayah juga perlu dibantu semua pihak termasuk badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) malah masyarakat sendiri juga berperanan dalam mendidik dan menggalakkan orang ramai tampil kehadapan dalam sama-sama membantu mencegah jenayah. Pihak berkuasa tempatan juga perlu memperkenalkan inisiatif dan melaksanakan garis panduan di bawah konsep Bandar Selamat dengan menyediakan ciri-ciri keselamatan seperti membina penghadang untuk mengasingkan laluan penjalan kaki dengan jalan raya bagi mencegah kes ragut, menambah pemasangan CCTV berdefinisi tinggi di kawasan berpotensi jenayah akan berlaku dan memasang lampu pada waktu malam di kawasan kerap berlaku jenayah.